

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
[KUALA PILAH]**

**TARIKH : 17.5.2016 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 3**

**YB Dato' Sri Hasan bin Malek [KUALA PILAH]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan dalam menghadapi TPPA yang akan dilaksanakan dalam tahun 2018, bolehkah pihak Kementerian menyatakan langkah-langkah persediaan atau pelan tindakan yang komprehensif dalam membantu dan melindungi IKS Bumiputera.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang telah ditandatangani di Auckland, New Zealand pada 4 Februari 2016 akan memberi pelbagai manfaat kepada komuniti perniagaan terutamanya dalam membantu perkembangan ekonomi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) khususnya Bumiputera.

2. Pelbagai langkah persediaan dan pelan tindakan telah dirangka untuk membantu PKS Bumiputera meningkatkan keupayaan dalam menghadapi pelaksanaan perjanjian TPP. Ini termasuklah membimbing PKS Bumiputera dalam memahami kandungan di dalam perjanjian TPP bagi membolehkan PKS terlibat mendapat manfaat terutamanya berkaitan penggunaan peraturan tempas, jadual pengurangan tarif, fasilitasi dan peraturan perkastaman serta aduan-aduan yang boleh didaftarkan jika PKS terlibat menghadapi masalah dalam aktiviti-aktiviti perniagaan atau perdagangan antarabangsa yang melibatkan negara-negara TPP.

3. Kerajaan akan turut menyediakan maklumat mengenai TPPA dan program-program yang dilaksanakan melalui laman web kementerian dan agensi berkaitan seperti program bina upaya dan latihan, tawaran skim pinjaman, khidmat nasihat, skim galakan eksport, insentif dan geran daripada sumber-sumber Kerajaan yang dapat membantu meningkatkan kapasiti dan produktiviti PKS Bumiputera khususnya. Bagi memperkukuhkan pembangunan PKS termasuk Bumiputera, Pelan Induk PKS (2012 – 2020) telah dirangka. Ia merupakan satu pelan menyeluruh dan memberi tumpuan ke arah mewujudkan ekosistem yang menyokong usaha mempercepatkan pertumbuhan PKS melalui produktiviti dan inovasi. Pelan Induk ini menggariskan 32 inisiatif termasuk enam program berimpak tinggi yang akan melonjakkan pertumbuhan KDNK PKS yang tinggi dan untuk Malaysia menghasilkan juara negara, serantau dan global yang kompetitif bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

4. Salah satu bidang tumpuan yang telah dikenal pasti dalam Pelan Induk PKS adalah akses kepada pasaran. Untuk tujuan ini, Program

Berimpak Tinggi Ke-empat (HIP4) iaitu Program *Going Export* (Go-Ex) yang dilaksanakan oleh MITI melalui MATRADE menawarkan bantuan khusus kepada pengeksport dan PKS termasuk Bumiputera yang ingin meneroka pasaran baharu di luar negara. PKS yang bersedia menjalankan aktiviti eksport boleh mendapatkan sokongan menyeluruh termasuk rangkaian kepakaran pasaran dan pembeli serta pematuhan kepada piawaian antarabangsa untuk memudahkan produk dan perkhidmatan tempatan diterima di peringkat antarabangsa.

5. Selain itu, MITI melalui SME Corp. Malaysia melaksanakan Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA), MATRADE dan Exim Bank serta penglibatan secara langsung daripada Persatuan atau Dewan Perniagaan Bumiputera. Program ini yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 April 2016 bertujuan untuk membantu meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat pra-eksport PKS Bumiputera serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang layak untuk menembusi pasaran luar negara serta mewujudkan rangkaian dan bekalan di kalangan PKS Bumiputera. Langkah ini dijangka mampu bertindak sebagai pemangkin kepada penglibatan syarikat PKS Bumiputera untuk merebut peluang bagi memperkembangkan pasaran di bawah TPPA yang akan dilaksanakan kelak.

6. Sejak rundingan TPPA dimuktamadkan dan ditandatangani, Kerajaan telah mempergiatkan aktiviti-aktiviti penerangan secara menyeluruh kepada *stake-holders* dengan izin termasuk sektor swasta, syarikat-

syarikat milik Kerajaan, penjawat awam dan juga kumpulan-kumpulan berkepentingan seperti NGOs, ahli-ahli akademik, pelajar dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Tujuan aktiviti penerangan ini adalah untuk menjelaskan secara terperinci mengenai isi kandungan perjanjian TPP serta meningkatkan kesedaran tentang peluang-peluang perniagaan serta cabaran yang ada di bawah TPPA. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang mempersiapkan syarikat-syarikat tempatan khususnya syarikat PKS dan Bumiputera untuk lebih berdaya saing di peringkat domestik dan global. MITI kini giat mengadakan perjumpaan dengan PKS tempatan untuk memberi penerangan mengenai TPPA ini dan sehingga kini, tidak kurang daripada 70 sesi penerangan telah dianjurkan.

Tuan Yang di-Pertua

7. Seperti sedia maklum semasa debat Parlimen yang berlangsung pada 26-28 Januari lepas, YB. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Kebangsaan akan ditubuhkan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dari semua kementerian dan agensi yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Perjanjian TPP.

8. Objektif utama Jawatankuasa Kebangsaan tersebut adalah untuk memantau persiapan dan merangka strategi serta hala tuju negara ke atas pelaksanaan TPPA, menyelaras isu-isu merentasi kementerian dan agensi dalam pelaksanaan TPPA dan memacu agensi pelaksana untuk menggerakkan program bina upaya.

9. Di samping itu, bagi memastikan konsultasi secara berterusan dengan sektor swasta serta pihak-pihak berkepentingan yang lain pula, satu Jawatankuasa Penasihat juga turut ditubuhkan. Antara objektif Jawatankuasa Penasihat ini ialah untuk mendapatkan maklum balas daripada sektor swasta dan pihak berkepentingan yang lain dalam menilai impak pelaksanaan TPPA. Ia juga bertujuan untuk mempertimbangkan strategi dan langkah untuk memperolehi manfaat secara maksimum daripada TPPA. Bina upaya bagi PKS dan usahawan Bumiputera akan diberi tumpuan di bawah Jawatankuasa ini.